

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	1.16	RUANGAN	selempat

## Bonus Tabung Haji 8% >>16



JAMIL Khir (dari kiri) bersama Abi Musa Asa'ari dan Ismee mengumumkan pembayaran bonus.

# Bonus Jubli Emas 2012

## ■ Lembaga Tabung Haji umum agihan 6.5 peratus serta tambahan 1.5 peratus

Oleh Syah Rul Aswari Abdullah  
+srul@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**L**embaga Tabung Haji (TH) mengumumkan bonus tahunan Jubli Emas 2012 sebanyak 6.5 peratus dan tambahan bonus khas sebanyak 1.5 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012, menjadikan jumlah keseluruhannya lapan peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, bayaran bonus itu meningkat 27 peratus kepada RM2.13 bilion berbanding RM1.68 bilion pada 2011, sekali gus tertinggi dalam sejarah penubuhan TH.

Menurutnya, TH berjaya melonjakkan prestasi kewa-

ngannya dengan mencatatkan pendapatan melebihi RM2 bilion selama tiga tahun berturut-turut sejak 2010 dan keuntungan bersih buat pertama kali melepasi RM2 bilion.

"Kedudukan kewangan TH yang sentiasa positif dan kukuh serta lebihan wang rizab dikumpul selama tujuh tahun (2006-2012) adalah antara faktor penyumbang pembayaran bonus istimewa ini," katanya pada sidang media Bonus Jubli Emas Tabung Haji 2012, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi TH, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Ketua Pegawai Operasinya, Datuk Ismee Ismail.

Jamil Khir berkata, bonus jubli emas itu membabitkan pembayaran RM2.46 bilion meliputi bonus tahunan

RM2.13 bilion dan bonus khas RM325 juta, selepas mengambil kira bayaran zakat sebanyak RM47 juta.

Beliau berkata, pendeposit boleh menyemak pengkreditan bonus itu menerusi kaunter TH dan rakan strategiknya, Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank Islamic mulai 10 Februari ini.

Mengulas prestasi kewangan pada 2012, Khir berkata, pendapatan TH meningkat 28 peratus kepada RM2.8 bilion berbanding RM2.2 bilion pada 2011.

Beliau berkata, keuntungan selepas zakat TH pula mencatatkan peningkatan 27 peratus sekali gus mencecah RM2.1 bilion, berbanding RM1.7 bilion tahun lalu.

"Ini memberikan tambah nilai sebanyak RM9.2 bilion kepada dana pendeposit sejak 2006," katanya.

Khair berkata, saiz dan dana pendeposit terus mencatatkan perkembangan baik dengan jumlah 8.2 juta pende-  
pendepositi membabitkan dana

terkumpul mencecah RM35.8 bilion, berbanding 7 juta pendeposit dengan dana RM31.7 bilion pada 2011.

Katanya, pertumbuhan saiz dan dana pendeposit ini meningkat hampir tiga kali ganda sejak 2006, sekali gus menunjukkan keyakinan dan kesetiaan pendeposit.

Pada masa sama katanya, TH sentiasa mempraktikkan perbelanjaan berhemah dan terkawal meskipun dipengaruhi kos perkhidmatan luaran yang sentiasa berubah dan meningkat.

"Keseluruhan, kadar perbelanjaan operasi terhadap pendapatan TH menunjukkan penurunan 17 peratus bagi 2012 berbanding 20 peratus bagi 2011.

"Langkah pelan perniagaan dan pelaburan berkesan, pengurusan risiko berhemah dan kemantapan pengurusan operasi, memacu TH untuk mengukuhkan kedudukannya dalam sektor pelaburan berasaskan syariah," katanya.

Awam dan  
impulan TH